



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)
2021-2025
MAJLIS BANDARAYA MIRI

AMANAT

Y. BHG. ENCIK ADAM YII SIEW SANG, DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA MIRI

Selamat sejahtera,

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam membangunkan pelan ini. Inilah hasrat kita bersama untuk memastikan secara amnya dan MBM secara khususnya dikenali kerana Integriti dan bukannya rasuah.

Pembangunan pelan ini adalah melalui penyatuan semua inisiatif dan usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam satu pelan.

Saya berbangga dengan hasil usaha dan komitmen serta kerjasama erat daripada warga majlis dalam usaha menyahut seruan mantan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019.

Saya juga mengharapkan semua anggota majlis akan memberikan sepenuhnya komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam OACP MBM 2021 – 2025 kerana sebagai warga MBM, nilai etika, jati diri dan integriti yang tinggi adalah perkara utama yang perlu kita sama-sama hayati dan amalkan.



Saya percaya usaha ke arah pemantauan pelaksanaan semua inisiatif akan dibuat dengan rapi malahan usaha ke arah penambahbaikan diharap sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan kepada masyarakat.

Saya menyeru semua pihak khususnya warga MBM untuk berganding bahu bagi menjadikan negara ini sentiasa bebas dari amalan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan berkhidmat dengan lebih berintegriti.

Sekian.



ADAM YIT SIEW SANG
DATUK BANDAR MIRI

PERUTUSAN

YANG BERUSAHA MORSHIDI FREDRICK

SETIAUSAHA BANDARAYA

MAJLIS BANDARAYA MIRI

Assalamualaikum dan salam sejahtera,
Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya jua, Pelan Antirasuah Organisasi atau "*Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 – 2025*" yang komprehensif khusus untuk Majlis Bandaraya Miri berjaya dihasilkan.

Selari dengan hasrat mantan YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang inginkan Malaysia dikenali dengan integriti bukan kerana rasuahnya, MBM komited mendukung aspirasi tersebut bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang bebas rasuah. Justeru, Pelan OACP MBM 2021 – 2025 dibangunkan secara kolektif sebagai platform yang kukuh ke arah usaha membudayakan integriti di kalangan warga MBM dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



OACP MBM telah menetapkan lima (5) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah (i) memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi, (ii) mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti didalam proses perolehan awam, (iii) memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam penyampaian perkhidmatan Majlis, (iv) memantapkan dan memperkasakan integriti dalam sistem hasil majlis dan (v) memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam pelaksanaan projek. Program dan aktiviti yang telah ditetapkan dalam OACP MBM memfokuskan usaha untuk mengatasi risiko rasuah dan integriti serta ruang dan peluang berlakunya gejala tersebut di peringkat MBM.

Besarliah harapan MBM untuk melihat Pelan OACP ini berjaya dilaksanakan dan menjadi panduan ke arah melaksanakan agenda integriti dalam organisasi secara holistik. Sedemikian, diharapkan warga MBM dapat memahami, menghayati dan membudayakan integriti seterusnya, menghindarkan diri dari terjebak dengan salah laku yang bertentangan dengan tatakelakuan selaku penjawat awam. Sesungguhnya menjadi tanggungjawab warga MBM untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan pelan ini.

Akhirul kalam, sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses perangkaan Pelan OACP MBM ini. Semoga usaha murni ini dapat membentuk negara, penjawat awam dan masyarakat yang berintegriti, disanjung tinggi seterusnya dihormati di mata dunia.

Sekian.



MOKSHIDI FREDRICK
SETIAUSAHA BANDARAYA

RASUAH DI MALAYSIA

Sinar Harian | 31 Januari 2021 | Page: 1

47.5% KES SPRM LIBAT PENJAWAT AWAM

Berita Harian | 7 Januari 2021 | Page: 18

Guru wanita didakwa rasuah 3 anggota polis

Shah Alam: Seorang guru mengaku tidak bersalah Mahkamah Sesiyen, di sini semalam memberi sumbu tuduhan memberi sumbu wang tunai kesetrum RM8,000 kepada tiga anggota polis berhubung denda ke atas pasing. Bagi keenam-enam tuduhan, Norlita...

Utusan Malaysia | 8 Januari 2021 | Page: 12

Siasatan sindiket kartel daging sejuk beku import awal Disember lalu

Dua pegawai Magis direman lima hari

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

utusannews@redm.com.my

negri.kel...

negri.kel...

Sinar Harian | 31 Januari 2021 | Page: 2

Penjawat awam paling kuat rasuah

rasuah iaitu

sh tangkapan

dalam sektor

ahak kepim-

emutuskan

an kerajaan

na daripada

arta kurang

tanya me-

baru-baru

ak, akibat

nyebab-

ningkat

an salah

ah juga

an ten-

ndiri,

laku

The Star | 12 Jun 2020 | Page: 8

Minister faces five charges

Sabah's Peter Anthony accused of money laundering

By STEPHANIE LEE
stephanie@thestar.com.my

KOTA KINABALU: State Infrastructure Development Minister Datuk Peter Anthony has claimed trial to five money laundering charges involving Mde 75mil at the Sessions Court here.

In the first and second charges under the Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financing (AMLA) Act, he was accused of...

SPRM tahan 11 lagi pe

SPRM dan menahan setiap en-
tuk memartabatkan...
Agenda kontraktor menyep-
tuhkan wang tunai sebanyak
RM200,000 kepada perunding
itu, selepas pegawai
SPRM menyerbu dari men-
berkasnya.

Latifah berkata, alimast
sebagai diumumkan dan kerta
siasat akan diserahkan ke-
pada Bahagian Pendakwaan
SPRM dalam masa terdekat
untuk analisis lanjut.

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

Perunding tersebut dikata-

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penghasilan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Miri (OACP-MBM) merupakan satu usaha bersama Jabatan, seksyen dan unit di MBM sebagai satu manifestasi ke arah mencapai status negeri maju berintegriti pada 2030. Di peringkat nasional, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 dan salah satu inisiatifnya ialah mewajibkan semua agensi kerajaan membangunkan pelan OACP masing-masing. Selaras dengan itu, maka dokumen OACP-MBM telah dibangunkan yang akan menjadi panduan kepada warga MBM dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada Negeri Sarawak amnya dan Majlis Bandaraya Miri khususnya.

Bab 1 merupakan pengenalan kepada lima (5) bidang keutamaan Majlis Bandaraya Miri yang menjadi teras kepada OACP-MBM iaitu Tadbir Urus, Perolehan Awam, Perkhidmatan Majlis, Pengurusan Projek dan Hasil Majlis. Selaras dengan usaha MBM untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, efisien dan berintegriti kepada rakyat. Kemuncak usaha ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Unit Integriti pada 6 Februari 2020. Penyediaan OACP merupakan salah satu daripada usaha MBM dalam memantapkan dan menaiktaraf perkhidmatan MBM. Kejayaan pelan ini bergantung sepenuhnya dengan komitmen semua pihak secara konsisten ibarat mengenggam bara api biar sampai menjadi arang.

Bab 2 menggariskan lima (5) bidang keutamaan yang menjadi fokus kepada memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi, mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti di dalam proses perolehan awam, penyampaian perkhidmatan Majlis, pelaksanaan projek dan pengurusan hasil Majlis.

Bab 3 menerangkan ciri-ciri tadbir urus yang baik di MBM. Semua warga MBM mempunyai tanggungjawab melaksanakan tugas masing-masing berpandukan Enam Nilai Bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS).

Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Miri ini akan menjadi panduan terbaik untuk pemegang taruh, pengurusan atasan dan semua pegawai serta kakitangan untuk meningkatkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Justeru itu, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak adalah penting dalam mencapai misi dan merealisasikan visi OACP-MBM memantapkan tadbir urus dengan cemerlang dan berintegriti.

PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh mantan YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima pakai arahan tersebut melalui Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil 1 2019 dan Pekeliling Integriti Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020 arahan untuk penyediaan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi OACP bagi semua Kementerian, Pentadbiran Bahagian, Jabatan dan Badan – Badan Berkanun Negeri Sarawak. Justeru itu, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi Majlis Bandaraya Miri telah dibangunkan. Pelan ini merupakan salah satu dokumen pelan utama MBM yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah, memantapkan lagi nilai integriti dan tadbir urus. Ia memberi tumpuan khusus kepada tadbir urus dan risiko pemasalahan yang mungkin berlaku di dalam organisasi.

Pelan ini adalah hasil perbincangan bersama semua Jabatan, Seksyen dan Unit di Majlis Bandaraya Miri dalam membangunkan pelan yang lengkap dan meliputi semua aspek yang berkaitan dengan MBM. Kerjasama dengan semua pihak yang terlibat ini menunjukkan komitmen yang tinggi dari semua dan bersama memegang tanggungjawab dan amanah dalam membudayakan nilai integriti demi menjayakan aspirasi Negara.

Pihak pengurusan berjanji dan komited dalam membudayakan nilai integriti di dalam penyampaian perkhidmatan majlis memalui pematuhan undang – undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan Enam Nilai Bersama. Semoga iniatif dan hasrat untuk menjadikan Malaysia Negara Bebas Rasuah menjadi realiti.

Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada 4 – 6 Februari 2020 di Dynasty Hotel, Miri



Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) diadakan pada 26 -28 Oktober 2020 di Grand Palace Hotel, Miri bersama PPj Puan Katherine Nais penceramah dari SPRM Kuching dan dua (2) fasilitator.



Hari Antirasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Sarawak pada 9 Disember 2020 via Zoom Meeting di Bilik Chamber, MBM bersama Penolong Pengarah SPRM Cawangan Miri.



SINGKATAN

BPA	Biro Pengaduan Awam
CPI	Indeks Persepsi Rasuah
CRM	Pengurusan Risiko Rasuah
GIACC	Pusat Governans, Integriti Dan Antirasuah Nasional
ICT	Information and Communication Technology
IPIN	Indeks Persepsi Integriti
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Cabinet Mengenai Antirasuah
MBM	Majlis Bandaraya Miri
NACP	Pelan Antirasuah Nasional
PANS	Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIO	Pelan Integriti Organisasi
SDG	Sustainable Development Goal
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SOP	Prosedur Operasi Standard
UTC	Urban Transformation Centre
PKPj	Penolong Kanan Pesuruhjaya
PPj	Penolong Pesuruhjaya
PsK	Penguasa Kanan
Ps	Penguasa
PKPs	Penolong Kanan Penguasa

KANDUNGAN

BAB 1 : PENGENALAN	14
1.1 LATAR BELAKANG MBM	15
1.2 VISI, MISI & OBJEKTIF MBM	16
1.3 BIDANG TUGAS MBM	17-19
1.4 DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS MBM	20
1.5 ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH	21
1.6 KESAN-KESAN RASUAH	22
1.7 MENGAPA PERLU MENANGANI RASUAH?	23-24
1.8 ANALISIS DATA	25
1.9 PENILAIAN RISIKO	26
1.10 BIDANG-BIDANG BERISIKO	27
BAB 2 : SENARIO MASA HADAPAN	28
2.1 SENARIO ANTIRASUAH MBM 2025	29-37
2.2 STRATEGI UTAMA MBM	38-39
BAB 3 : MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH	40
3.1 KERANGKA PELAN OACP MBM 2021-2025	41
3.2 OBJEKTIF STRATEGI	42-43
3.3 ANALISIS KUADRAN	44-46
3.4 STRATEGI	47-59
3.5 BIDANG KEUTAMAAN	60-90
BAB 4 : TADBIR URUS	91
4.1 PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH MBM	92-93
4.2 MEKANISME PELAKSANAAN	94-95
4.3 MEKANISME PENILAIAN	96-97
4.4 JADUAL PELAN TINDAKAN	98
4.5 KESIMPULAN	99-100
4.6 JAWATANKUASA OACP	101
4.7 URUS SETIA OACP	102

BAB 1 : PENGENALAN

Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha Majlis Bandaraya Miri untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga kerja MBM. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus MBM telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi MBM. OACP telah menjadi salah satu inisiatif MBM bagi meneruskan usaha ke arah membentuk warga MBM yang berintegriti tinggi.

LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA MIRI

1933

Lembaga Perbandaran Miri telah ditubuhkan selepas enakmen Aturan Perbandaran No.M-7

1956

Lembaga Perbandaran Miri telah dibentuk semula dan menjadi Majlis Bandaran Miri.

1960

Pilihan raya umum Majlis telah diadakan buat pertama kali dan berperlembagaan di bawah Aturan Kuasa Tempatan.

1981

Sempena penstrukturan semula kuasa-kuasa tempatan dalam negeri, status Majlis daerah telah dinaikkan kepada taraf Perbandaran.

2005

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XII telah mengisytiharkan bahawa Miri dianugerahkan taraf sebuah Bandar Raya dan Majlis Perbandaran Miri dinaikkan taraf kepada "Majlis Bandaraya Miri".

VISI, MISI DAN OBJEKTIF MBM

VISI : Miri Bandaraya Peranginan yang paling sesuai didiami.

MISI : Kami komited mengurus tenaga dan sumber Majlis untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat melalui tadbir urus yang efektif dan efisien.

OBJEKTIF

1. Untuk memberi perkhidmatan bandaraya yang boleh dipercayai dan efisien melalui anggota kerja yang komited.
2. Untuk menyediakan dan menyelenggara infrastruktur, peralatan dan kemudahan awam melalui perancangan yang strategik dan sistematik.
3. Untuk memastikan pembangunan industri bangunan yang teratur melalui penguatkuasaan perundangan yang diperuntukkan.
4. Untuk menggalakkan dan memelihara kesihatan awam melalui peningkatan sanitasi persekitaran dan kebersihan diri.
5. Untuk mencapai ke arah pengurusan kewangan yang berdikari dengan berusaha menguruskan kewangan dengan bijak dan cermat.
6. Untuk memperindahkan alam sekitar dengan menyediakan lebih banyak lagi kawasan taman, kawasan lapang dan hijau.
7. Untuk membantu usaha-usaha bagi mengekalkan pemuliharaan alam sekitar melalui perlaksanaan kawasan persekitaran yang sedia ada.
8. Menyemai dan menggalakkan perhubungan harmoni antara Majlis dan masyarakat melalui aktiviti yang interaktif.

BIDANG TUGAS MBM

1. Jabatan Pentadbiran

- Bertindak sebagai nadi MBM dalam memantau keseluruhan aktiviti:-
 - i. Perancangan
 - ii. Penyelarasan
 - iii. Penyeliaan
 - iv. Perhubungan awam
 - v. Pengurusan sumber manusia
 - vi. Sekretariat mesyuarat
 - vii. Mengkoordinasikan sistem pengkomputeran serta ICT

2. Jabatan Kejuruteraan

- Bertanggungjawab bagi kelulusan :-
 - i. Pelan bangunan
 - ii. Projek bangunan
 - iii. Pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya
 - iv. Sistem perparitan
 - v. Penyelenggaraan lampu jalan
 - vi. Papan tanda lalu lintas
 - vii. Harta Majlis (bangunan pejabat, kuarters kakitangan Majlis dan mengendalikan bengkel kenderaan Majlis)

3. Jabatan Perbendaharaan

- Bertanggungjawab terhadap urusan belanjawan dan pentadbiran kewangan Majlis

4. Jabatan Penilaian dan Pencukaian

- Bertanggungjawab membuat penilaian keatas hartanah diseluruh kawasan bandaraya
- Merupakan penjana utama hasil pendapatan Majlis untuk memberi perkhidmatan bandaraya dikawasan pentadbiran Majlis

BIDANG TUGAS MBM

- Merupakan penjana utama hasil pendapatan Majlis untuk memberi perkhidmatan bandaraya dikawasan pentadbiran Majlis

5. Bahagian Landskap

- Bertanggungjawab untuk projek pengindahan bandaraya dan menyelenggara landskap di bandaraya, taman, taman rekreasi, tapak semaian serta perancangan projek pembangunan

6. Unit Perundangan

- Memberikan nasihat perundangan kepada jabatan, membuat kajian terhadap kes-kes yang berkaitan dengan MBM, menyediakan perjanjian bagi pihak MBM serta menyemak dan menguruskan dokumen kontrak dan perjanjian.

7. Seksyen Kesihatan Awam

- Bertanggungjawab terhadap peraturan kesihatan, pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit, pengawalan vektor, pengurangan gangguan awam dan memeriksa sampel makanan.
- Bertanggungjawab ke atas perlesenan para peniaga dan pengurusan pasar, pusat penjaja dan para peniaga, hotel, rumah tumpangan, premis makanan dan rumah penyembelihan binatang

8. Seksyen Penyelenggaraan Dan Kebersihan Awam

- Bertanggungjawab ke atas aktiviti:-
 - i. Kebersihan awam
 - ii. Penyediaan tandas awam
 - iii. Pengurusan sistem pembentungan
 - iv. Pembuangan dan pelupusan sampah domestik
 - v. Pengawalan dan pemusnahan anjing dan binatang liar
- Bertanggungjawab ke atas program 3R

9. Unit Letak Kereta

- Bertanggungjawab terhadap pengawalan tempat letak kereta di kawasan kutipan yuran letak kereta dan mengendalikan Bangunan Letak Kereta Majlis
- Bertanggungjawab memastikan yuran letak kereta dikutip dengan sempurna dan kawalan ruang letak kereta di sekitar bandaraya adalah teratur

10. Seksyen Perpustakaan Awam

- Bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan awam kepada orang awam selain daripada membantu dalam program Pendidikan untuk menggunakan bahasa kebangsaan

11. Bahagian Penguatkuasa

- Bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Undang-Undang dan Peraturan yang terpakai di MBM.
- Memastikan tempat awam khususnya pasar, jalan kaki lima, kawasan pejalan kaki, kawasan bebas daripada kegiatan perdagangan haram.
- Mengawal pemasangan sepanduk iklan di tempat awam

12. Seksyen Korporat

- Bertanggungjawab dalam mengendalikan aduan awam, sidang akhbar dan juga bertindak sebagai pusat maklumat untuk orang awam.

13. Unit Pembangunan Lestari / SDG

- Bertanggungjawab mengendalikan dan memantau pelaksanaan aktiviti komuniti hijau dan pembangunan alam sekitar bagi memastikan pembangunan mampan dilaksanakan secara efektif.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dasar menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013 dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

**PELAN INTEGRITI
NASIONAL 2004 (PIN)**

**PELAN TRANSFORMASI
KERAJAAN (GTP)**

**PELAN TRANSFORMASI
KERAJAAN 2.0 (GTP 2.0)**

**PELAN ANTIRASUAH
NASIONAL (NACP) 2019-
2023**

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS MBM

MBM sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, MBM telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti Polisi Tiada Hadiah, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah, Ikrar Integriti Korporat membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan yang terkini ialah penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021 – 2025.

POLISI TIADA HADIAH

**IKRAR INTEGRITI
KORPORAT (2013)**

**IKRAR BEBAS RASUAH
(2017)**

**PENGURUSAN RISIKO
RASUAH (2020)**

**PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI (OACP) MBM
2021-2025**

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Isu rasuah wujud di pelbagai sektor dan bidang tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang:

1. Tadbir Urus

- Peruntukan undang-undang yang lapuk atau tidak lagi sesuai dan polisi yang rumit menjurus kepada kelemahan pemantauan, penguatkuasaan dan kesukaran untuk mentadbir.
- Kelemahan pengurusan maklumat dan proses kerja yang tidak teratur.

2. Kompetensi

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat dengan tepat dan betul.
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dengan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan kurang cekap.

3. Integriti

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas.
- Kebocoran maklumat terperingkat.
- Wujud ruang dan peluang untuk pakatan rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas.
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan.

KESAN-KESAN RASUAH KEPADA PENJAWAT AWAM DAN NEGARA —

Mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat terperingkat

Ketidakadilan sosial yang boleh membawa kepada penindasan dan menafikan hak ke atas golongan tertentu

Mengakibatkan kelemahan penguatkuasaan undang-undang

Membahayakan nyawa akibat penggunaan bahan binaan yang kurang berkualiti

MENGAPA PERLU TANGANI RASUAH?

Tahun	Kedudukan	Skor
2014	51	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53
2020	57	51

**Sumber : Indeks Perspesi Rasuah (CPI) 2020

Malaysia mendapat kedudukan tangga ke-57 turun 6 anak tangga dan mendapatkan skor 51 untuk tahun 2020. Menurut Presiden TI Malaysia, Dr Muhammad Mohan punca penurunan kedudukan adalah disebabkan:

1. Pembaharuan institusi terhenti
2. Kes profil tinggi-tertuduh dilepas tanpa dibebebaskan daripada pertuduhan
3. Akses terhad maklumat kepentingan awam
4. Skandal daging tidak halal
5. Kes salah guna kuasa dan rasuah penjawat awam berterusan
6. Perkembangan atau kemas kini kes berprofil tinggi terhad
7. Kerajaan masih belum bentang Rang Undang-Undang Perolehan Awam




Peningkatan bilangan tangkapan pada tahun 2019 bagi penjawat awam adalah tinggi berbanding orang awam.

MENGAPA PERLU TANGANI RASUAH?



Kumpulan sokongan merupakan kumpulan yang paling tinggi tangkapan oleh SPRM berbanding dengan kumpulan pengurusan tertinggi dan kumpulan pengurusan dan professional.

Pegawai yang paling terlibat dengan rasuah berdasarkan peratusan responden:




**Sumber: Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023)

ANALISIS DATA

Dalam usaha mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MBM yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi, Jawatankuasa OACP MBM telah menganalisa beberapa data yang berkaitan bagi membantu menyenaraikan risiko-risiko.

BILANGAN KES TATATERTIB DI MBM


Carta 1 : Kes-kes Tatatertib MBM bagi Tahun 2016 - 2020



Pola statistik tatatertib yang diterima pada tahun 2020 mendadak menurun berbanding dengan tahun sebelumnya. Antara faktor yang menyumbang kepada tindakan tatatertib adalah gagal hadir bertugas tanpa kebenaran.

MASALAH KEBERHUTANGAN DI MBM

Carta 2 : Masalah keberhutangan bagi Tahun 2016 - 2020



Jumlah kes keberhutangan bagi tahun 2016 sehingga 2019 semakin meningkat. Antara faktor yang menyumbang kepada keberhutangan ini adalah menjadi penjamin kepada pasangan/keluarga, masalah keluarga dan pengurusan kewangan peribadi yang lemah.

Taklimat pengurusan kewangan yang dianjurkan oleh MBM perlu berterusan bagi membantu mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang berhemah di kalangan warga MBM .

PENILAIAN RISIKO

MBM telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/*Corruption Risk Analysis* (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MBM yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

Menganalisa data bagi mengenalpasti risiko rasuah semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 4 – 6 Februari 2020

Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib dan kajian kepuasan pelanggan

Mengumpul dan menganalisa data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, SPRM, BPA dan Talikhidmat

Mengenal pasti punca kelemahan di dalam tadbir urus, integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP 26 – 28 Oktober 2020

BIDANG – BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, lima (5) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di MBM yang telah dikenalpasti:





BAB 2 : SENARIO MASA HADAPAN

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku di masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Sebanyak lima (5) strategi utama telah digariskan dalam OACP MBM.

SENARIO ANTIRASUAH MBM 2025

Pelan Antirasuah 2021-2025 telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Miri. Ia meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan dan merudum.

1

SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan.

2

SENARIO KEKANGAN (LIMITS & DISCIPLINE)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

3

SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah bandaraya yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai-nilai murni.

4

SENARIO MERUDUM (DECLINE & COLLAPSE)

Rasuah menjadi kelaziman dalam komuniti sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

1

Senario Kesyambungan

1

Tadbir Urus

Penekanan ilmu insaniah dengan menyediakan pelbagai kursus dan program ilmu agar warga MBM lebih menghayati, memahami dan mengamalkan enam nilai bersama iaitu integriti, baik hati dan prihatin, profesionalisma, semangat berpasukan, sikap kesegeraan dan semangat sepunya dan berorientasikan hasil ditempat kerja. Kursus kemahiran secara fokus juga diadakan bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan teknologi untuk menambahbaik keberkesanan sistem penyampaian dan tadbir urus MBM. Namun begitu terdapat kelemahan dalam penggunaan teknologi maklumat secara optima serta kurangnya motivasi dikalangan warga MBM menjejaskan kejayaan pencapaian di dalam penyampaian perkhidmatan awam.

2

Perolehan Awam

Penglibatan tenaga manusia dapat dikurangkan melalui implementasi penggunaan sistem dan teknologi baharu untuk perolehan . Dengan adanya sistem ini tahap kemahiran pegawai dan kakitangan dapat dipertingkatkan dan tahap birokrasi dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun dalam tempoh terdekat ini, sistem sebegini belum dapat diadaptasi dan memberi kesan seperti ketirisan maklumat dan ketirisan wang awam dengan manipulasi data, birokrasi dan penyalahgunaan kuasa yang masih dijangka boleh berlaku.

1

Senario Kesyinambungan

3

Perkhidmatan Majlis

Kemahiran dan penyeliaan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan semasa. Walau bagaimanapun persepsi kebersihan persekitaran dan kesihatan awam dilihat tanggungjawab sepenuhnya untuk MBM akan mengurangkan hasil keupayaan penyampaian perkhidmatan Majlis.

4

Hasil Majlis

Organisasi memberikan keutamaan pencarian sumber hasil baharu namun kurang penekanan elemen penyeliaan dan integriti serta kurang mempelbagaikan kaedah permohonan perkhidmatan dan terimaan secara di talian akan memberikan ruang dan peluang untuk tidak memohon lesen kepada MBM dan mengakibatkan ketirisan sumber hasil MBM.

5

Pengurusan Projek

Organisasi menekankan penyeliaan dan keupayaan pelaksanaan projek untuk disiapkan dalam tempoh yang dijadualkan. Namun begitu kurang memberi penekanan elemen integriti di dalam perolehan dan pelaksanaan projek akan mengurangkan keberhasilan untuk melaksanakan projek yang memberi impak tinggi kepada masyarakat.

2 Senario Kekangan

1 Tadbir Urus

Kurangnya sokongan dan dokongan dari agensi yang memberi kelulusan untuk meningkatkan keupayaan teknologi serta kurangnya kerjasama berpasukan di kalangan warga MBM dan Ahli Majlis serta masyarakat sekitar akan menyukarkan keadaan untuk memantapkan sistem penyampaian dan pentadbiran organisasi.

2 Perolehan Awam

Kekangan dari peraturan yang lapuk dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan kepenggunaan teknologi yang masih kurang atau tidak menyeluruh akan menggagalkan keupayaan untuk mendapatkan perolehan yang *“value for money”* dan mengekang salah laku integriti.

3 Perkhidmatan Majlis

Campur tangan dari pihak luar untuk meraih sokongan masyarakat menyebabkan kurangnya sokongan dari masyarakat untuk memperlihatkan kebersihan dan kesihatan awam adalah tanggungjawab bersama. Elemen integriti akan berkurangan di kalangan masyarakat akan mengurangkan motivasi dan integriti warga MBM sekaligus mengurangkan keupayaan penyampaian perkhidmatan Majlis.

2

Senario Kekangan

4

Hasil Majlis

Elemen integriti yang kurang diberi penekanan membolehkan campur tangan pihak luar dan manipulasi kuasa disebabkan peraturan yang lapuk, melemahkan penguatkuasaan dan mengekang keupayaan meningkatkan hasil Majlis .

5

Pengurusan Projek

Tadbir urus yang lemah dan kurangnya penekanan kepada elemen integriti didalam proses keperluan projek memberi ruang dan peluang untuk terus berlakunya campur tangan pihak luar, penyalahgunaan kuasa dalam perolehan projek serta melemahkan kebolehan pelaksanaan projek yang berimpak tinggi.

3 Senario Perkembangan

1 Tadbir Urus

Elemen integriti mendokong penuh dalam penyampaian sistem pentadbiran serta sokongan dari pihak atasan membolehkan keputusan serta pentadbiran dijalankan dengan lebih telus, sistematik dan keputusan yang cepat dan betul dapat dilaksanakan. Ini akan meningkatkan kepercayaan di mata masyarakat dan sumber Majlis diuruskan dengan lebih efisien dan menguntungkan semua pihak.

2 Perolehan Awam

Elemen integriti dipandang serius di dalam perolehan perkhidmatan kerja serta penggunaan teknologi terkini dalam perolehan membolehkan kurangnya birokrasi dan campur tangan pihak luar. Ini juga akan meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada Majlis serta mengurangkan risiko untuk berlaku penyalahgunaan kuasa dan ketirisan wang awam.

3 Perkhidmatan Majlis

Tadbir urus yang efisien dan sistem penyampaian serta keputusan yang tepat dan berkesan dapat diambil membolehkan perkhidmatan awam disampaikan dengan segera. Masyarakat yang mempunyai jati diri berintegriti dan prihatin dengan persekitaran yang bersih dan kesihatan awam akan bersama-sama menjaga untuk memudahkan MBM menjalankan kerja perkhidmatan Majlis serta membolehkan pegawai dan kakitangan menambahbaik kemahiran sedia ada untuk maju ke hadapan.

3

Senario Perkembangan

4

Hasil Majlis

Dengan adanya teknologi maklumat di hujung jari dan kemudahan untuk mendapatkan lesen dan perkhidmatan serta kurangnya interaksi bersemuka sekaligus menutup ruang dan peluang untuk berlakunya pakatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Ini membolehkan hasil dipertingkatkan dan perkhidmatan serta pembangunan dapat dijalankan dengan adanya kedudukan kewangan yang mapan dan kukuh.

5

Pengurusan Projek

Pengurusan projek berimpak tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan apabila keputusan dibuat dengan tepat dengan penekanan kepada elemen integriti, kemahiran serta keperluan. Ia akan mencerminkan Bandaraya Miri sebuah bandaraya yang maju dan berorientasikan hasil mengikut keperluan semasa.

4

Senario Merudum

1

Tadbir Urus

Organisasi tidak mengambil peduli kepentingan budaya berasakan enam nilai bersama dan tiada sokongan dari pihak atasan dalam menambahbaik ketelusan tadbir urus di MBM akan menggagalkan hasrat Bandaraya Miri menjadi sebuah bandaraya peranginan yang sesuai didiami disebabkan ketidakcekapan pegawai, kakitangan serta Ahli Majlis dalam mengambil keputusan yang bijak dan tepat di dalam pengurusan harian.

2

Perolehan Awam

Organisasi yang menerima campur tangan pihak luar yang berkepentingan secara berterusan akan memberikan kesan di mana keputusan yang tidak telus, kurang integriti dan tidak mendatangkan nilai tambah di dalam perolehan. Keadaan ini akan memberikan gambaran ekonomi dan politik yang tidak stabil dan pelabur asing tidak berminat untuk melabur bagi menambahbaik ekonomi negara.

3

Perkhidmatan Majlis

Tadbir urus MBM akan mengalami kemerosotsan, tidak efisien dan keputusan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan tepat disebabkan campur tangan pihak berkepentingan dalam membuat keputusan, warga MBM kurang bermotivasi, kurang berintegriti, tidak menghayati dan mengamalkan enam nilai bersama di tempat kerja, peraturan dan polisi yang lapuk dan tidak dapat menangani isu-isu semasa yang semakin kompleks.

4

Senario Merudum

4

Hasil Majlis

Tadbir urus hasil merosot dan hasil kutipan MBM akan berkurangan apabila pegawai dan kakitangan mengambil sikap sambil lewa untuk mengenakan caj kepada perkhidmatan yang diberi, campur tangan pihak berkepentingan dalam keputusan seperti mengecualikan bayaran, peraturan yang lapuk dan penguatkuasaan yang lemah. Maka hasil untuk MBM akan terus berkurangan. Ini memberi kesan negatif untuk MBM terus mapan.

5

Pengurusan Projek

Pengurusan projek yang lemah disebabkan peraturan yang lapuk, ikatan perjanjian kontrak yang lemah dan campur tangan pihak berkepentingan dalam keputusan projek. Ini akan mengurangkan keberkesanan dalam pelaksanaan projek, melemahkan motivasi pegawai dan kakitangan dalam pelaksanaan dan pemantauan projek. Ruang dan peluang untuk rasuah akan berlaku secara berterusan.

STRATEGI UTAMA MBM

Bagi menghadapi senario yang dinyatakan, MBM telah membentuk lima (5) strategi seperti berikut:-

01

Memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dan sistem tadbir urus organisasi

Bagi memantapkan kecekapan dalam tadbir urus yang baik, pemeraksanaan pengurusan meliputi menambahbaik kod etika kerja, proses kerja, penyeliaan, tindakan punitif, memperkasakan budaya kerja cemerlang, memperkukuhkan proses tadbir urus yang sedia ada serta pengurusan keselamatan ICT telah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pemeriksaan berkala dan analisa aduan juga dititikberatkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan latihan, Pembangunan Professionalisme berterusan dan aktiviti kaunseling serta proses pusingan kerja juga perlu dilaksanakan secara berkala.

02

Mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti didalam proses perolehan awam.

Bagi memperkukuhkan sistem perolehan di MBM, fokus adalah kepada penambahbaikan sistem proses perolehan yang lebih telus seperti pusingan tugas di dalam proses pemilihan serta mengadakan kursus berkaitan perolehan dan pematuhan tatacara kewangan di PBT. Penyeliaan dan pemeriksaan secara *cross checking* juga perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan proses pemilihan dalam perolehan adalah mematuhi tatacara kewangan.

STRATEGI UTAMA MBM

03

Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan majlis.

Inisiatif untuk strategi ini akan memberi penekanan untuk mengukuhkan kerja-kerja penyeliaan ke atas pelaksanaan perkhidmatan Majlis yang dijalankan oleh kontraktor MBM. Inisiatif yang difokuskan adalah menyediakan latihan kepada kakitangan Majlis bagi memantapkan tugas-tugas penyeliaan, penyediaan laporan perkhidmatan majlis dan juga pelaksanaan *integrity pact* yang lebih menyeluruh.

04

Memantapkan dan memperkasakan integriti dalam sistem hasil majlis

Strategi ini memberi penekanan kepada proses penyediaan dan pengemaskinian prosedur kenaaan cukai pintu dan lesen yang dikeluarkan oleh MBM. Bagi memastikan kenaaan dan kutipan cukai dilaksanakan secara telus dan berintegriti, inisiatif penggunaan peralatan digital dan menambahbaik sistem sedia ada dapat mengurangkan interaksi dengan pelanggan serta mengurangkan risiko untuk berlakunya rasuah.

05

Meningkatkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam penyampaian perkhidmatan majlis dan pelaksanaan projek.

Untuk memperkukuhkan kecekapan pelaksanaan projek yang diamanahkan kepada MBM; penekanan akan diberikan untuk memperkukuhkan penyeliaan projek, penyediaan kontrak dan proses pengesahan kerja siap dalam tempoh yang ditetapkan serta memenuhi syarat dan peruntukan undang – undang sedia ada. Bagi merealisasikan strategi ini, latihan berkaitan penyeliaan, penyediaan kontrak, ceramah motivasi dan ceramah penerapan nilai – nilai murni di kalangan pegawai dan kakitangan MBM juga diberikan.

BAB 3 : MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Pelan ini menetapkan lima (5) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut adalah **Tadbir Urus, Perolehan Awam, Perkhidmatan Majlis, Pengurusan Projek dan Hasil Majlis**. Lima strategi yang telah dikenalpasti iaitu: -

- i. Memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi
- ii. Mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti didalam proses perolehan awam
- iii. Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam penyampaian perkhidmatan majlis
- iv. Memperkukuhkan dan memperkasakan integriti di dalam sistem hasil Majlis
- v. Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam pelaksanaan projek.

Strategi yang digariskan ini meliputi 76 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun.

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI – MBM

VISI

Memantapkan tadbir urus Majlis Bandaraya Miri dengan cemerlang dan berintegriti

MISI

1. Penerapan enam (6) nilai murni bersama sebagai budaya hidup di kalangan warga MBM.
2. Memperkasakan tadbir urus dalam sistem penyampaian dengan lebih cekap dan berkesan melalui teknologi berinovasi untuk manfaat warga MBM dan masyarakat.

BIDANG KEUTAMAAN

Tadbir Urus

Perolehan Awam

Hasil Majlis

Perkhidmatan Majlis

Pengurusan Projek

STRATEGI

1. Memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi.
2. Mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti di dalam proses perolehan awam.
3. Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan Majlis.
4. Memperkukuhkan dan memperkasakan integriti dalam sistem hasil Majlis.
5. Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam penyampaian pelaksanaan projek.

PELAN ANTIRASUAH MBM 2021 - 2025

STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
5	11	77

Objektif Strategi

- **STRATEGI 1:** Memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi

Objektif Strategik 1.1

- Memantapkan keberkesanan, kemahiran dan pembangunan profesionalisme yang berterusan dalam kalangan warga MBM

Objektif strategik 1.2

- Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik

Objektif Strategik 1.3

- Memperkasakan nilai integriti tinggi di dalam kalangan warga MBM

Objektif Strategik 1.4

- Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti Dan Nilai-Nilai Murni

- **STRATEGI 2:** Mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti didalam proses perolehan awam

Objektif Strategik 2.1

- Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Anti Persaingan

- **STRATEGI 3:** Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam penyampaian perkhidmatan majlis

Objektif Strategik 3.1

- Memperkasakan integriti di dalam proses penyampaian perkhidmatan Majlis serta mengurangkan risiko rasuah

Objektif Strategi

- **STRATEGI 4:** Memperkukuhkan dan memperkasakan integriti di dalam sistem hasil Majlis

Objektif Strategik 4.1

- Membudayakan integriti dan memantapkan tadbir urus di dalam proses penerimaan hasil Majlis

Objektif Strategik 4.2

- Menguatkuasakan pematuhan undang – undang serta mengurangkan risiko rasuah dalam mempertingkatkan hasil Majlis

- **STRATEGI 5:** Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam pelaksanaan projek.

Objektif Strategik 5.1

- Meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kemahiran yang berterusan dalam pengurusan projek dan kontrak

Objektif Strategik 5.2

- Memperkukuhkan tadbir urus bagi pengesahan kerja siap

Objektif Strategik 5.3


- Membudayakan nilai integriti bersama dan mengurangkan risiko rasuah dalam pelaksanaan projek

BIDANG KEUTAMAAN 1 HINGGA 5

**PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI MBM 2021 -
2025**

ANALISIS KUADRAN

Hasil analisis kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 57 pelan tindakan akan diberi keutamaan berdasarkan punca untuk risiko rasuah dan salahlaku integriti yang ditemui. Penentuan keutamaan ini adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 melalui analisa terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya, dimana penekanan akan dipusatkan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusan MBM. Ringkasan 76 pelan tindakan berkenaan adalah seperti berikut:



Kompleksiti : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

Impak : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

ANALISIS KUADRAN

KUADRAN A	KUADRAN B	KUADRAN C	KUADRAN D
Mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI , KOMPLEKSITI RENDAH	Mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI , KOMPLEKSITI TINGGI	Mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH , KOMPLEKSITI RENDAH	Mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH , KOMPLEKSITI TINGGI

Strategi 01

Memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi

Strategi 02

Mempertingkatkan keberkesanan, ketelusan dan integriti didalam proses perolehan awam

Strategi 03

Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam penyampaian perkhidmatan majlis

Strategi 04

Memperkukuhkan dan memperkasakan integriti dalam sistem hasil Majlis

Strategi 05

Memperkukuhkan kecekapan dan memperkasakan integriti dalam pelaksanaan projek

STRATEGI 1 : Memantapkan kecekapan, ketelusan dan memperkasakan integriti dalam tadbir urus organisasi

NO.	INISIATIF	KUADRAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
BIDANG TADBIR URUS				
1	Mewajibkan Kursus Pengurusan Tatatertib kepada semua Pegawai dan Kakitangan MBM	A	Unit latihan Unit HR	2021-2025
2	Mengadakan kursus penyeliaan kemahiran insaniah untuk Pegawai dan Ketua Jabatan	B	Unit Latihan Unit HR	2021-2025
3	Mengadakan Kursus kesedaran untuk memahami perlaksanaan Local Authority Service Regulations (LASR) 2000	A	Unit Latihan & HR (Unit HR)	2021- 2025
